

KL komited untuk bentuk masa depan bersama negara BRICS

Shanghai: Malaysia komited meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan negara BRICS, demi mencapai kemakmuran bersama serta pembangunan ekonomi global yang lebih seimbang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan Malaysia untuk terbabit dengan organisasi antarabangsa itu mencerminkan komitmen negara untuk membentuk masa depan bersama.

Memetik kenyataan Presiden China, Xi Jinping ketika Sidang Kemuncak BRICS baru-baru ini di Kazan, Russia, beliau menggesa penerimaan semangat perkongsi-an masa depan secara bersama untuk menentang kuasa perpecahan dan dasar ekonomi yang melindungi sesebuah negara.

China juga menggesa anggota BRICS dan negara lain untuk mengekalkan keamanan dan ke-

selamatan global, termasuk menggalakkan anggota blok terbabit berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan dunia.

“Di bawah kepemimpinan Xi (Jinping), China mempromosikan (dasar ini) dengan agresif, menekankan bahawa dunia sepatutnya memberi manfaat kepada semua orang, semua negara (sama ada besar atau kecil).

“Prinsip masa depan bersama juga diterima baik oleh negara di Asia, Afrika, Amerika Latin dan Global South.

“(Oleh itu), inilah sebabnya Malaysia bersetuju untuk menyertai BRICS,” katanya semasa menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Ekspo Import Antarabangsa China (CIIE) ke-7 semalam.

BRICS, pada asalnya terdiri daripada Brazil, Russia, India dan China ditubuhkan pada 2009 sebagai platform kerjasama negara

ekonomi membangun, dengan Afrika Selatan menyertai blok berkenaan pada 2010.

Blok itu secara keseluruhannya menyumbang satu perlima daripada perdagangan global.

Pada 24 Oktober lalu, Malaysia secara rasmi diterima negara rakan kongsi BRICS bersama 12 negara lain walaupun belum menjadi anggota penuh.

Sementara itu, Anwar memuji kejayaan luar biasa China bukan saja dalam isu tatakelola dan dasar yang betul di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Li Qiang, tetapi juga bersikap positif memastikan perdagangan, pelaburan dan kemakmuran ekonomi memberi manfaat kepada komuniti antarabangsa.

“Ini sudah tentu bukan kenyataan yang mudah kerana ia bertentangan dengan pendekatan banyak kuasa ekonomi besar dunia,” tegasnya.